

30 JUL 1998

Singapura-Malaysia

PENUMPANG KERETA API HADAPI MASALAH, KATA SINGAPURA

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 30 Julai (Bernama) -- Singapura hari ini berkata rundingan dengan Malaysia untuk menyelesaikan pertikaian mengenai prosedur perjalanan dengan kereta api telah menemui jalan buntu dan penumpang akan menghadapi masalah jika Malaysia tidak memindahkan pusat pemeriksaan imigresennya ke lokasi baru mulai Sabtu ini.

Singapura akan memindahkan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantinnya dari stesen kereta api Tanjong Pagar di kawasan tengah republik itu, ke pusat pemeriksaan baru di Woodlands, yang dekat dengan sempadannya dengan Malaysia.

Isnin lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaannya ke Woodlands.

Dalam satu kenyataan di sini, Kementerian Dalam Negeri berkata : "Imigresen Malaysia tidak akan mempunyai kuasa lagi untuk menjalankan tugasnya di Tanjong Pagar apabila Imigresen Singapura tidak lagi berada di situ untuk memberikan kuasanya."

Kementerian itu berkata bahawa sejak 1989 ia telah beberapa kali memaklumkan kepada Malaysia mengenai hasrat untuk memindahkan pusat pemeriksaannya dan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Ogos ini.

"Singapura telah beberapa kali memaklumkan kepada Malaysia bahawa mulai tarikh itu, operasi CIQ (kastam, imigresen dan kuarantin) Malaysia tidak boleh kekal di stesen kereta api Tanjong Pagar," kata kenyataan itu.

Menurut kementerian itu, proses pengesahan imigresen akan menjadi tidak logik dan bercanggah dengan amalan antarabangsa jika CIQ Malaysia masih berada di Tanjong Pagar selepas CIQ Singapura berpindah ke Woodlands.

Imigresen Singapura perlu memberi kebenaran kepada penumpang yang hendak berlepas dari republik itu sebelum Imigresen Malaysia boleh memberi kebenaran kepada mereka untuk memasuki Malaysia.

"Semua kebenaran oleh pegawai Imigresen Malaysia di stesen kereta api Tanjong Pagar pada passport Singapura akan menjadi tidak sah dan tidak kena. Akibatnya, persoalan mengenai pelanggaran peraturan yang serius dalam passport akan timbul berdasarkan undang-undang Singapura," kata kementerian itu.

Menurut kementerian itu, oleh kerana proses pelepasan imigresen untuk passport bercanggah dengan amalan antarabangsa, warga asing yang keluar dari Singapura dengan passport yang tidak mempunyai pengesahan, mungkin menghadapi kesulitan di pusat pemeriksaan Imigresen Singapura.

Tetapi pelawat yang memasuki Singapura dari Johor Baharu tidak terlibat kerana mereka mengikuti proses imigresen yang betul.

Mengenai rundingan yang gagal itu, kementerian berkenaan berkata Malaysia bertegas bahawa pusat pemeriksaan imigresennya harus diletakkan dalam bangunan di Woodlands dan jika ini tidak dapat dilakukan, maka imigresennya akan kekal di stesen kereta api Tanjong Pagar.

Sebagai langkah sementara, Singapura mencadangkan ruang untuk Imigresen Malaysia menyediakan pondok di platform di Woodlands, sehingga selesai tuntutan Malaysia mengenai haknya agar Imigresennya terus berada di Singapura.

Menurut kementerian itu, aturan sementara supaya Imigresen Malaysia berada di Woodlands adalah bagi mengelak kesulitan kepada penumpang kereta api tetapi ini ditolak oleh Malaysia.

-- BERNAMA

THG MAI

